

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: University Teaching and Learning Centre
Sent: 08 Mac 2016 15:53
To: UUM - All Staff
Cc: UUM - UTLC
Subject: UTLC BERI PENERANGAN BERKENAAN SERVICE LEARNING KEPADA TENAGA AKADEMIK



Pusat Pengajaran
Pembelajaran Universiti
UNIVERSITY TEACHING AND LEARNING CENTRE

Universiti Utara Malaysia



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

08 MAC 2016 | 28 JAMADILAWWAL 1437 H

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

UTLC BERI PENERANGAN BERKENAAN *SERVICE LEARNING* KEPADA TENAGA AKADEMIK



UTLC ONLINE: Hari ini, 8 Mac 2016, UTLC telah mengadakan satu bengkel kepada Timbalan Dekan, Ketua Jabatan, Penyelaras Program serta beberapa pensyarah yang dipilih daripada pusat pengajian di bawah UUM CAS dan UUM COB berkenaan dengan implementasi *service learning* ke dalam kurikulum. *Service learning* atau *Community Based Learning* merupakan salah satu daripada amalan pembelajaran berimpak tinggi yang wajib dijalankan dalam setiap program bagi memberi nilai tambah kepada pembangunan bakat pelajar sebagai individu yang dapat berkhidmat kepada masyarakat. Ini juga relevan dengan misi universiti untuk melahirkan "pemimpin yang berperwatakan holistik untuk berbakat kepada komuniti global".

Taklimat yang dikendalikan oleh Pengarah UTLC, Prof. Madya Dr. Fauziah Abdul Rahim telah dihadiri seramai 72 orang tenaga akademik dari 2 kolej iaitu UUM CAS dan UUM COB. Objektif bengkel ini ialah untuk memastikan setiap program boleh mengenalpasti dan menjalankan *service learning* mulai September 2016 ini.

Pihak UTLC akan terus mengadakan program-program yang menjurus kepada meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran kepada staf akademik di UUM.

BEST REGARDS:
UNIVERSITY TEACHING AND LEARNING CENTRE (UTLC)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
CONVENTION COMPLEX
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN.
TEL : 04-928 4697
FAKS : 04-928 4702
E-MEL : utlc@uum.edu.my



Universiti Pengurusan Terkemuka



Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.
(Please don't print this e-mail unless necessary)